

13/05/2002

Menjalin semula keakraban KL-Washington

Rejal Arbee

WASHINGTON DC, Ahad - Ketibaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini esok untuk lawatan kerja rasmi atas jemputan Presiden Amerika Syarikat George W Bush, akan membuka satu lembaran baru dalam hubungan dua hala kedua negara.

Hubungan itu terjejas semasa pentadbiran Presiden Bill Clinton dan pertemuan Dr Mahathir dan Bush di White House Selasa ini diharap akan membawa kepada hubungan lebih mesra antara kerajaan dan pemimpin Malaysia-Amerika.

Selama ini, khususnya sejak peristiwa Datuk Seri Anwar Ibrahim, hubungan pada peringkat kerajaan agak muram dengan tidak ada apa-apa pertemuan bukan saja pada kalangan pimpinan tertinggi malah pada peringkat timbalan menteri pun tidak ada perjumpaan.

Perkara ini berlaku gara-gara liputan buruk terhadap Dr Mahathir oleh pelbagai media Barat khususnya media dan akhbar Amerika yang memberi gambaran seolah-olah beliau telah bertindak liar terhadap Anwar termasuk membenarkannya didera sewaktu dalam tahanan.

Laporan-laporan negatif begini dibuat kononnya Dr Mahathir takut dicabar kerana akan menghadapi suatu keadaan yang memungkinkannya kalah dalam pemilihan pucuk pimpinan Umno.

Pelbagai liputan mengenai kes Anwar dibuat kebanyakannya amat buruk sekali bagi imej Dr Mahathir. Persepsi yang wujud berikutan gambaran demikian itu adalah seolah-olah Anwar ditindas dan tuduhan-tuduhan terhadapnya direka.

Kedutaan Amerika di Kuala Lumpur juga tidak berusaha memperbetulkan persepsi ini malah laporan-laporan yang dimajukan ke Washington juga tidak memberi gambaran sebenar.

Keadaan ini dijelekkkan lagi dengan peristiwa Naib Presiden Amerika ketika itu, Al Gore walaupun seorang tetamu telah bersikap biadap di majlis makan malam di Kuala Lumpur dengan terang-terang menyokong perjuangan yang dipelopori Anwar di dalam ucapannya di hadapan Dr Mahathir.

Gambaran buruk terhadap Dr Mahathir ini dibuat sewaktu John R Malott menjadi Duta Besar Amerika di Kuala Lumpur. Malah, Malott hingga kini berterusan berkempen memburukkan Dr Mahathir dan dengan pertolongan beberapa pihak pelobi untuk Anwar, masih berusaha untuk menggagalkan lawatan Dr Mahathir ke sini dan pertemuannya dengan Bush.

Persepsi pentadbiran Amerika terhadap Dr Mahathir mula berubah apabila Bush dipilih sebagai Presiden. Sejak itu tanda-tanda adanya perubahan pandangan mereka terhadap Dr Mahathir dan Malaysia mula kelihatan dan hubungan baik mula berkembang.

Bagaimanapun persepsi serong pentadbiran Bush terhadap Dr Mahathir dan Malaysia masih wujud dan dihantui isu Anwar dan penahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Pentadbiran Amerika dan pelbagai institusinya ketika itu masih menganggap ISA digunakan Dr Mahathir untuk menyekat kemajuan parti pembangkang dan mematahkan musuh politiknya.

Pandangan demikian itu terus wujud walaupun usaha-usaha membaiki hubungan dua hala Malaysia-Amerika diteruskan. Pandangan Bush terhadap Dr Mahathir mula berlembut setelah menemuinya di persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Shanghai pada Oktober tahun lalu.

Persepsinya terhadap Dr Mahathir telah berubah berikutan dengan

pertemuan itu kerana beliau mendapatinya seorang pemimpin yang tegas dan konsisten serta seorang yang boleh dipercayai dan berprinsip tidak seperti yang digembar-gemburkan.

Persepsi itu dikuatkan lagi berikutan dengan serangan ke atas Pusat Dagangan Dunia (WTC) di New York dan Pentagon di Washington pada 11 September di mana Dr Mahathir dan Malaysia telah mengutuknya sebagai suatu perbuatan jenayah.

Mereka mula sedar bahawa Malaysia sebenarnya adalah sebuah negara Islam yang mengamalkan demokrasi dan amat stabil.

Malah Presiden Pusat Pengkajian Strategi dan Antarabangsa (CSIS), sebuah kumpulan pemikir di Washington, Dr James Hemre menganggap Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang sederhana, progresif dan bertoleransi yang telah mencapai satu tahap kemajuan yang membanggakan.

Pembangunan telah dapat dilaksanakan dengan jayanya dan kini adalah sebuah negara Islam contoh yang berjaya meningkatkan taraf hidup rakyat berbilang kaumnya.

Beliau menyatakan bahawa terlalu ramai rakyat Amerika menganggap Islam sebagai agama yang ganas dan tidak rasional tetapi Malaysia boleh menjadi contoh untuk menangkis anggapan negatif demikian terhadap Islam.

Kini juga timbul kesedaran bahawa kerjasama yang baik dengan Amerika tidak semestinya bermakna sebuah negara perlu sentiasa mengikut telunjuknya. Ini adalah satu pendekatan yang dijalankan Malaysia bahawa ia berhak mempunyai pandangan bebas terhadap pelbagai perkembangan dan isu antarabangsa.

Amerika juga menganggap pertemuan Dr Mahathir dan Bush penting kerana Mahathir kini adalah Pengerusi Pergerakan Negara-negara Berkecuali berikutan dengan persetujuan 115 anggota pertubuhan itu dalam mesyuaratnya di Afrika Selatan bulan lalu untuk mengadakan sidang kemuncaknya di Kuala Lumpur tahun depan.

Malaysia juga akan menjadi tuan rumah Persidangan Kemuncak Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) tahun depan dengan Dr Mahathir dilantik pengerusinya.

Dalam pada itu, sungguhpun selama ini hubungan politik antara pucuk pimpinan kedua negara tidak akrab, hubungan ekonomi bertambah mantap.

Jumlah perdagangan dua hala antara Malaysia dan Amerika telah meningkat kepada AS\$29.6 bilion pada 2001, menjadikan Malaysia negara ke-11 terbesar dalam perdagangan dua hala Amerika.

Pada tahun itu Malaysia telah mengeksport barangan berjumlah AS\$17.9 bilion ke Amerika dan membeli sejumlah AS\$11.8 bilion barangan dari Amerika, iaitu Malaysia juga menyumbang terhadap mewujudkan pekerjaan di Amerika.

(END)